MENGURUSKAN RISIKO TERHADAP KESTABILAN KEWANGAN

Kestabilan kewangan domestik terpelihara

Sistem kewangan Malaysia kekal berdaya tahan sepanjang suku keempat meskipun persekitaran turun naik pasaran yang meningkat berikutan ketidakpastian mengenai pertumbuhan dan harga tenaga global. Pengantaraan kewangan domestik terus disokong dengan baik oleh institusi kewangan yang teguh dan mempunyai permodalan yang kukuh. Mudah tunai sistem perbankan kekal lebih daripada mencukupi meskipun kadangkala terdapat keadaan pendanaan yang sukar. Walaupun pelabur mengambil pendekatan berhati-hati dalam tempoh yang akan datang, sistem kewangan domestik dijangka terus stabil. Kedalaman dan kemajuan pasaran kewangan domestik terus memberikan sokongan terhadap keadaan pasaran yang teratur dan keyakinan yang berterusan terhadap sistem kewangan negara.

Dedahan risiko kredit boleh diurus dalam keadaan keupayaan membayar balik hutang yang mampan

Keupayaan membayar balik hutang oleh peminjam secara umumnya masih tidak berubah. Kemungkiran, seperti yang diukur oleh pinjaman tertunggak (loans-in-arrears, LIA) antara satu hingga tiga bulan, kekal rendah dan stabil pada 2.2% daripada jumlah pinjaman bank, manakala nisbah pinjaman terjejas bersih kekal stabil pada 1.2% daripada jumlah pinjaman bank. Dalam industri insurans, dedahan kredit, terutamanya dalam bentuk pemegangan sekuriti hutang swasta, tidak berubah pada 4.1% daripada jumlah modal yang ada.

Kadar pertumbuhan tahunan hutang isi rumah terus menjadi sederhana pada suku terakhir tahun 2015 kepada 7.3% (S3 2015: +7.6%; S4 2014: +9.4%). Hal ini terus didorong terutamanya oleh pertumbuhan sederhana sebanyak 3.4% dalam pembiayaan untuk kegunaan peribadi oleh institusi kewangan bukan bank (non-bank financial institution, NBFI). Keadaan pendapatan dan guna tenaga yang stabil terus menyokong keupayaan membayar balik kebanyakan isi rumah. Sejajar dengan itu, prestasi pinjaman isi rumah daripada sektor perbankan adalah mampan dengan nisbah pinjaman terjejas dan mungkir masing-masing pada 1.1% dan 1.5%, merentas semua jenis kemudahan pembiayaan. Walau bagaimanapun, peminjam dalam segmen pendapatan yang lebih mudah terjejas menghadapi beberapa cabaran untuk menyesuaikan diri dengan kos hidup yang lebih tinggi. Berdasarkan interaksi dan perbincangan Bank Negara Malaysia yang berterusan dengan bank dan pemberi pinjaman NBFI utama, kemungkiran yang lebih tinggi dicatat dalam segmen sewa beli kereta kecil dan pembiayaan peribadi. Ini mungkin mencerminkan kesukaran yang dihadapi oleh isi rumah yang mempunyai leveraj lebih tinggi dalam kumpulan peminjam berpendapatan lebih rendah. Bagi sesetengah peminjam, hal ini juga mula meningkatkan cabaran yang dihadapi untuk meneruskan pembayaran balik pembiayaan rumah secara berkala, dan menyebabkan kemungkiran pembiayaan rumah yang lebih tinggi sedikit.

Aset kewangan isi rumah meningkat 4.8% pada tempoh yang sama tahun lepas (S3 2015: +3.4%), yang sebahagian besarnya disebabkan oleh peningkatan yang berterusan dalam instrumen deposit dan instrumen mirip deposit sebanyak 4.8% (S3 2015: +6.5%). Pemulihan dalam pasaran ekuiti pada suku keempat juga membantu meningkatkan nilai pelaburan isi rumah dalam ekuiti dan dana amanah saham lain. Secara keseluruhan, aset kewangan isi rumah kekal melebihi dua kali jumlah hutang. Berdasarkan penilaian penyeliaan Bank Negara Malaysia, bank secara amnya didapati meneruskan amalan pengunderaitan dan penilaian kemampuan membayar balik pinjaman yang baik.

Kira-kira separuh daripada pinjaman baharu yang diluluskan adalah kepada peminjam yang mempunyai nisbah bayaran balik hutang agregat tidak melebihi 40%, dengan nisbah khidmat hutang purata bagi semua peminjaman isi rumah baharu kekal di bawah 60%.

Jumlah peminjaman sektor perniagaan terus berkembang 14.1% pada akhir tahun 2015 (S3 2015: +14.8%). Ini mencerminkan pertumbuhan yang lebih tinggi dalam peminjaman luar pada suku ketiga, kira-kira separuh daripadanya disebabkan oleh kesan penilaian kadar pertukaran. Peminjaman luar baharu oleh konglomerat domestik dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) merangkumi dana untuk operasi dan pelaburan di dalam dan luar negara serta pinjaman antara syarikat daripada syarikat multinasional untuk operasi di Malaysia. Ini secara amnya disokong oleh penerimaan dalam denominasi mata wang asing yang bertindak sebagai perlindungan nilai semula jadi terhadap pergerakan kadar pertukaran. Pinjaman perniagaan daripada sistem perbankan mencatat pertumbuhan yang lebih perlahan sebanyak 8% pada akhir tahun 2015 (S3 2015: +11%), dengan pertumbuhan pembiayaan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) kekal kukuh pada 15% (S3 2015: +17.6%). Agregat leveraj perniagaan Malaysia[5], seperti yang diukur oleh median nisbah hutang kepada ekuiti, ialah 46.8% pada S3 2015, iaitu hanya mencatat sedikit perubahan berbanding dengan suku sebelumnya (S2 2015: 46.5%).

Secara keseluruhan, keupayaan membayar balik hutang perniagaan Malaysia sebahagian besarnya kekal utuh dalam keadaan ringgit yang lebih lemah, harga minyak yang lebih rendah dan pertumbuhan yang lebih sederhana. Median nisbah perlindungan faedah (interest coverage ratio, ICR) stabil pada 5.2 kali pada suku ketiga (S2 2015: 5.3 kali). Perniagaan dalam sektor berorientasikan eksport mengalami sedikit kemerosotan dalam median ICR kepada 5.8 kali (S2 2015: 7.3 kali) berikutan permintaan yang lebih rendah untuk minyak sawit mentah dari China serta menambah kepada kesan harga minyak global yang lebih rendah. Dalam sektor berorientasikan dalam negeri, median ICR stabil pada 4.8 kali (S2 2015: 4.9 kali) meskipun sentimen pengguna yang lebih lemah berikutan pelaksanaan cukai barangan dan perkhidmatan. Perniagaan juga pada amnya mengekalkan kedudukan mudah tunai yang memuaskan dengan median nisbah semasa (aset semasa berbanding liabiliti semasa) dan nisbah wang tunai berbanding hutang jangka pendek masing-masing stabil pada 1.7 kali dan 1.2 kali. Ini menyokong kualiti keseluruhan pinjaman perniagaan dalam sistem perbankan yang terus kukuh. Nisbah pinjaman terjejas sektor perniagaan adalah pada 2.5% manakala nisbah LIA sehingga 2 bulan berada pada 0.3% (S3 2015: masing-masing pada 2.5% dan 0.4%) Dalam segmen PKS, nisbah pinjaman terjejas bertambah baik kepada 2.4% (S3 2015: 2.6%). Pada paras agregat, prospek risiko kredit untuk perniagaan, seperti yang diukur oleh keseluruhan kebarangkalian jangkaan mungkir, kekal stabil pada 0.61% (S3 2015: 0.63%).

Sistem Perbankan: Kualiti Pinjaman



Sumber: Bank Negara Malaysia

[5] Berdasarkan 160 buah syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia dengan permodalan pasaran sebanyak 80% (tidak termasuk institusi kewangan) yang merangkum 10 sektor ekonomi utama.

Pada S2 2015, pertumbuhan tahunan Indeks Harga Rumah Malaysia menjadi sederhana sedikit kepada 7.5% (S1 2015: +7.8%). Urus niaga perumahan kekal lembap, khususnya dalam pasaran mewah kerana pembeli menangguhkan pembelian. Pada asas tahunan, jumlah bilangan dan nilai urus niaga menurun masing-masing sebanyak 9.4% kepada 57,662 unit dan 18.1% kepada RM17.7 bilion pada suku ketiga (S2 2015: -6.4% dan -12%). Sebaliknya, urus niaga dalam segmen mampu milik (rumah berharga bawah RM250,000) terus mencatat pertumbuhan positif, mencerminkan permintaan yang kukuh untuk perumahan mampu milik. Pembiayaan spekulatif untuk pembelian rumah kekal rendah dan terus mencakupi hanya sebahagian kecil (2.8%) peminjam pinjaman perumahan.

Keadaan pasaran teratur meskipun ketidaktentuan berterusan

Pelaburan portfolio mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM15.9 bilion pada suku keempat (S3 2015: aliran keluar bersih sebanyak RM24.4 bilion), yang didorong oleh permintaan berterusan terhadap Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS). Penurunan harga minyak mentah, jangkaan kadar dasar Amerika Syarikat kembali ke paras wajar dan kebimbangan mengenai pertumbuhan global menjejaskan ringgit sepanjang suku keempat. Walau bagaimanapun, ringgit menambah nilai sebanyak 3.6% berbanding dengan dolar AS menjelang akhir suku keempat kepada RM4.2920 (S3 2015: RM4.4455), sejajar dengan prestasi pasaran bon dan ekuiti domestik menjelang akhir tahun 2015, yang didorong oleh sentimen yang bertambah baik dalam kalangan pelabur global selepas kenaikan kadar dasar pertama di AS dalam tempoh tujuh tahun. Keluk kadar hasil bertambah curam dengan kadar hasil bagi MGS 10 tahun meningkat sedikit kepada 4.19% (S3 2015: 4.15%), manakala kadar hasil pada keluk jangka pendek menurun (MGS 3 tahun menurun kepada 3.27% (S3 2015: 3.71%). Dalam pasaran ekuiti, FBM KLCI ditutup lebih tinggi pada 1,692.51 mata pada suku keempat (S3 2015: 1,621.04 mata) seiring dengan kebanyakan pasaran ekuiti serantau. Nisbah harga kepada pendapatan (price-to-earnings, PE) FBM KLCI secara amnya kekal stabil pada 18 kali berbanding dengan nisbah PE purata jangka panjang sebanyak 17 kali. Walaupun turun naik purata kadar hasil MGS 10 tahun dan FBM KLCI meningkat masing-masing kepada 17.2% dan 14.5% pada suku keempat (S3 2015: masing-masing 11.8% dan 10.8%), ketidaktentuan pasaran menjadi sederhana menjelang akhir tahun dengan keadaan pasaran menjadi lebih jelas selepas kenaikan kadar dasar AS. Mudah tunai dagangan terpelihara, dengan spread bida-tawar MGS dan FBM KLCI tidak berubah masing-masing pada 0.1% dan 0.4% daripada harga pertengahan. Nisbah pusing ganti bulanan MGS dan FBM KLCI kekal kukuh masing-masing pada 10.4% dan 2.1%, (S3 2015: masing-masing pada 14.4% dan 2%). Pada akhir suku keempat, pemegangan bukan pemastautin mencakupi 47.7% daripada jumlah terkumpul MGS dan 22.3% daripada permodalan pasaran ekuiti (S3 2015: masing-masing 45.6% dan 23%). Persepsi pelabur terhadap risiko hutang kerajaan Malaysia dan keadaan mudah tunai dolar AS di dalam negeri juga bertambah baik pada suku keempat. Spread swap mungkir bersilang kerajaan 5 tahun menyusut kepada 180.2 mata asas (S3 2015: 238.9 mata asas) manakala spread swap asas mata wang bersilang 5 tahun menurun kepada 75 mata asas (S3 2015: 115 mata asas).

Institusi kewangan terus berdaya tahan

Permodalan institusi kewangan Malaysia kekal kukuh. Nisbah modal ekuiti biasa kumpulan 1, nisbah modal kumpulan 1 dan nisbah jumlah modal bank kekal jauh melebihi paras pengawalseliaan minimum, masing-masing pada 12.8%, 13.8% dan 16.1%. Lebih 80% daripada jumlah modal bank berkualiti tinggi, yang terdiri daripada perolehan tertahan, modal berbayar dan rizab. Nisbah kecukupan modal bagi sektor insurans turut kekal kukuh pada 245.5% (S3 2015: 243.8%). Secara agregat, bank, penanggung insurans dan pengendali takaful mempunyai penampan modal berjumlah RM147.4 bilion (bank: RM117.3 bilion; penanggung insurans/ pengendali takaful: RM30.1 bilion), yang boleh menampung sebarang kemungkinan kerugian daripada keadaan kredit dan pasaran yang buruk. Keuntungan sebelum cukai sistem perbankan berjumlah RM7.2 bilion pada S4 2015 (S3 2015: RM7.3 bilion), apabila kos kakitangan dan perbelanjaan overhed yang lebih tinggi sebahagiannya mengimbangi pertumbuhan pendapatan faedah dan fi serta peruntukan yang lebih rendah. Pulangan atas aset dan ekuiti kekal kukuh masing-masing pada 1.3% dan 12.4% (S3 2015: masing-masing pada 1.3% dan 12.7%). Sektor insurans am dan takaful mencatat keuntungan operasi yang lebih tinggi, didorong oleh pendapatan pelaburan yang lebih tinggi sebanyak RM659.9 juta (S3 2015: RM555.7 juta). Prestasi pengunderaitan juga bertambah baik (S4 2015: RM335.9 juta; S3 2015: RM69.7 juta) disebabkan terutamanya oleh kos tuntutan yang lebih rendah. Prestasi perolehan syarikat insurans hayat dan pengendali takaful keluarga juga bertambah baik pada suku keempat dengan lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan yang positif sebanyak RM5.2 bilion (S3 2015: lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan negatif sebanyak RM0.4 bilion). Ini berpunca daripada keuntungan modal bersih sebanyak RM2.0 bilion (S3 2015: kerugian modal bersih sebanyak RM3.1 bilion) berikutan penilaian yang lebih tinggi dalam pemegangan ekuiti, sejajar dengan kenaikan FBM KLCI menjelang akhir tahun. Sebagai sebahagian daripada strategi pengimbangan semula portfolio yang berterusan, penanggung insurans hayat

Sistem Perbankan: Permodalan Basel III



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sektor Insurans: Permodalan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sistem Perbankan: Keberuntungan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sektor Insurans dan Takaful: Penunjuk

	2014		2015		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	RM juta				
Insurans hayat & takaful keluarga					
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	2,120	13,760	-417	5,230	11,993
Insurans am & takaful am					
Keuntungan kendalian	760	3,176	556	660	2,678
Nisbah tuntutan (%)	57.5	57.5	60.1	60.2	60.2
	Perubahan Tahunan (%)				
Insurans hayat & takaful keluarga					
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	4.3	-36.6	-110.9	146.6	-12.8
Insurans am & takaful am					
Keuntungan kendalian	-27.0	-1.5	-29.5	-13.2	-15.7
Nisbah tuntutan (mata peratusan)	0.4	0.4	3.3	2.7	2.7

Sumber: Bank Negara Malaysia

telah mengurangkan sedikit peruntukan aset berbanding dengan ekuiti domestik sejak akhir tahun 2014, mencerminkan prospek pasaran ekuiti yang lebih tidak menentu.

Dedahan risiko pasaran kekal terurus. Dedahan institusi perbankan kepada risiko kadar faedah dalam akaun dagangan dan risiko ekuiti kekal rendah masing-masing pada 1.2% dan 0.7% daripada jumlah modal (S3 2015: masing-masing 1.4% dan 0.7%). Sementara itu, kedudukan terbuka bersih pertukaran asing bank meningkat kepada 6.1% (S3 2015: 5.9%) daripada jumlah modal, sebahagian besarnya mencerminkan perkembangan ringgit. Dedahan risiko pasaran bagi industri insurans meningkat kepada 13.1% (S3 2015: 12.2%) daripada jumlah modal, mencerminkan penilaian pelaburan yang lebih tinggi terutamanya dalam pasaran ekuiti. Sejajar dengan itu, risiko ekuiti, yang membentuk sebahagian besar daripada dedahan risiko pasaran penanggung insurans, meningkat untuk mencakupi 7.7% (S3 2015: 7.3%) daripada jumlah modal.

Mudah tunai agregat dalam sistem perbankan kekal teguh menyokong aktiviti pembiayaan. Pada akhir tahun 2015, penempatan dan repo berbalik sistem perbankan dengan Bank Negara Malaysia, yang boleh dilupuskan untuk memenuhi keperluan mudah tunai, adalah melebihi RM100 bilion. Ini seterusnya menyediakan penampan yang selesa terhadap aliran keluar tunai yang tidak dijangka atau kejutan mudah tunai yang teruk. Pengurangan Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement, SRR) yang berkuat kuasa 1 Februari 2016 meningkatkan mudah tunai tambahan kepada sistem kewangan domestik. Selain itu, seperti yang diperuntukkan di bawah peraturan Jawatankuasa Basel mengenai Penyeliaan Perbankan, Bank Negara Malaysia akan mewujudkan kemudahan mudah tunai yang komited dan boleh digunakan oleh institusi perbankan dengan bahagian yang tidak dikeluarkan daripada kemudahan ini boleh diiktiraf sebagai aset mudah tunai berkualiti tinggi untuk tujuan pematuhan Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR). Di bawah piawaian yang dilaksanakan secara berperingkat sejak 1 Jun 2015[6], LCR sistem perbankan berada pada 130% pada akhir bulan Disember 2015 (Ogos 2015: 124%), dengan semua bank melaporkan paras LCR melebihi keperluan pengawalseliaan minimum 2015 sebanyak 60%.

[6] Pada fasa pertama, pematuhan ditetapkan pada 60% dengan kenaikan secara berperingkat sebanyak 10% setiap tahun sehingga mencapai pematuhan sepenuhnya bermula tahun 2019.

Sistem Perbankan: Nisbah Perlindungan Mudah Tunai Basel III



Sumber: Bank Negara Malaysia

Keadaan pendanaan domestik adalah lebih ketat berikutan persaingan yang berterusan dalam pasaran deposit yang turut menyebabkan KLIBOR lebih tinggi. Pada suku keempat, kos deposit[7] purata sistem perbankan kekal stabil pada 2.53% (S3 2015: 2.53%, 2014: 2.38%). KLIBOR 3 bulan lebih tinggi pada 3.84% pada akhir tahun (S3 2015: 3.74%) apabila persaingan untuk penempatan akhir tahun oleh pendeposit korporat kekal tinggi, namun terus bertambah baik kepada 3.75% pada 16 Februari 2016 kerana persaingan telah berkurang. Walaupun pendanaan bank sebahagian besarnya masih berasaskan deposit dan dalam mata wang tempatan, bank semakin memanfaatkan pasaran modal domestik yang lebih dalam untuk mengekalkan profil pendanaan yang stabil melalui terbitan instrumen pendanaan jangka sederhana. Ini juga mencerminkan saluran lebih luas yang ada untuk instrumen, yang sebahagiannya menyebabkan pertumbuhan deposit lebih sederhana dalam tempoh beberapa tahun ini. Dengan mengambil kira asas pendanaan yang lebih luas bagi bank, nisbah pinjaman berbanding pendanaan[8] (loan-to-fund, LTF) berada pada 83% berbanding dengan nisbah pinjaman berbanding deposit[9] sebanyak 88.7% pada akhir suku keempat (S3 2015: masing-masing 82.8% dan 88.3%).

Dedahan luar sistem perbankan meningkat seiring dengan operasi serantau bank dan aktiviti perdagangan serantau. Pertumbuhan aset luaran bank mengatasi sedikit pertumbuhan liabiliti luaran. Pada akhir suku ketiga, liabiliti luaran bersih bank meningkat kepada RM149 bilion (S2 2015: RM142 bilion), didorong terutamanya oleh peminjaman antara bank yang lebih tinggi (+19.4%) dan peningkatan sekuriti hutang yang diterbitkan (+28.4%). Ini sebahagian besarnya mencerminkan operasi pengurusan mudah tunai berpusat bagi bank Malaysia, terutamanya yang mempunyai operasi di luar negara yang lebih besar. Bank juga aktif mempelbagaikan instrumen pendanaan untuk jangka sederhana dan panjang melalui terbitan hutang subordinat pelbagai mata wang dan nota berstruktur, dalam usaha untuk memanjangkan profil kematangan dan mengurangkan ketidakpadanan mata wang.

[7] Semakan dibuat terhadap pengiraan kos deposit purata (dikira sebagai perbelanjaan faedah bagi deposit sebagai peratusan daripada jumlah deposit yang diterima)

[8] Dana terdiri daripada deposit dan semua instrumen hutang (termasuk hutang subordinat, sijil hutang/sukuk yang diterbitkan, kertas perdagangan dan nota berstruktur).

[9] Bermula bulan Julai 2015, pinjaman tidak termasuk pembiayaan oleh akaun pelaburan Islam.